

# MB Perlis terima ugutan politik

Oleh **Tuan Nazuri Tuan Ismail**

BH 19/10/03

KANGAR: Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim mendakwa beliau menerima ugutan politik daripada kumpulan tertentu bahawa kedudukannya sebagai ketua kerajaan negeri terancam selepas persaraan Perdana Menteri, Oktober depan.

Beliau percaya ugutan politik itu dibuat oleh pihak yang bercita-cita menjadi Menteri Besar selepas Datuk Seri Abdlllah Ahmad Badawi mengambil alih pucuk pimpinan negara.

Beliau bagaimanapun enggan mendedahkan kumpulan berkenaan, sebaliknya memberi amaran supaya mereka menghentikan perbuatan sia-sia itu.

“Ada pihak tertentu menggunakan cara tidak elok dengan membuat ugutan politik kepada saya. Selepas Oktober ini, jaga kamu...”

“Saya hendak beritahu mereka ini, tidak ada apa-apa yang berlaku kecuali kemungkinan pilihan raya,” katanya kepada pemberita di pejabatnya di sini, semalam.

Beliau membuat pendedahan itu selepas diminta mengulas khabar angin yang mendakwa akan ada perubahan pada pucuk pimpinan negeri selepas Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersara, Oktober depan.

Shahidan berkata, beliau yakin Abdullah akan meneruskan apa yang ditinggalkan Dr Mahathir apabila beliau dilantik menjadi Perdana Menteri.

Beliau berkata, Tiibalan Perdana Menteri adalah seorang pemimpin yang adil dalam menjalankan tanggungjawab sebagai pemimpin negara.

“Kalau Pak Lah tidak adil, sudah tentu Perdana Menteri tidak memilihnya sebagai pengganti,” katanya.

Katanya, adalah tidak wajar seseorang itu menggunakan nama Abdullah sebagai bakal Perdana Menteri, demi mencapai cita-cita politiknya di negeri ini.

“Siapa yang suka mengaitkan nama Pak Lah dan bulan Oktober, mereka dianggap ada niat untuk mencantas pemimpin lain dan mereka tidak boleh gunakan nama Pak Lah untuk mencapai matlamat mereka,” katanya.

Dalam perkembangan lain, Shahidan berkata, jawatan Menteri Besar lebih sesuai disandang oleh pemimpin yang lebih muda dan mempunyai pemikiran yang lebih kreatif dan agresif, bukannya golongan yang lebih tua.

Katanya, belum pernah berlaku dalam sejarah negeri itu, menteri besar yang baru berusia lebih tua daripada penyandang jawatan sebelumnya.